

CNS3476

U GB 18-08 00130 BA031

BAH

Mahathir - Maklumat

MASYARAKAT BERMAKLUMAT TIDAK MUDAH DIHINA DAN DITIPU, KATA PM

JITRA, 18 Ogos (Bernama) -- Masyarakat yang bermaklumat tidak akan mudah dipermainkan, dihina dan ditipu orang lain, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, oleh itu wajar di zaman maklumat ini, rakyat mengejar maklumat bagi menambah ilmu pengetahuan supaya tidak mudah ditipu sesiapa, terutama orang asing.

"Inilah masyarakat yang hendak kita bina di negara ini," katanya ketika merasmikan bangunan baru Perpustakaan Awam cawangan Jitra berharga RM895,000 di sini.

Beliau berkata, sesebuah negara yang mempunyai maklumat yang cukup akan dapat menentukan apakah yang perlu untuk kebaikan rakyat dan negara.

"Dalam zaman maklumat ini, kita mesti berusaha mencari maklumat yang diperlukan," katanya. -- Laqi.

♥18/08/20-13MST

CNS3484

U GB 18-08 00154 BA032

BAH

Mahathir - Maklumat 2 Jitra

Baqaimanapun, oleh kerana banyak maklumat yang boleh diperolehi masa kini dengan cara yang mudah dan murah, rakyat kadangkala sukar hendak memilih yang mana satu maklumat yang benar dan boleh dipercayai, kata beliau.

Namun demikian, katanya, orang yang mempunyai maklumat akan menjadi manusia yang cekap dan pandai menilai sesuatu serta mempunyai pengetahuan dan kecekapan untuk mengendalikan urusan hariannya.

Terdahulu Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff berkata, kerajaan negeri akan menimbangakan kemungkinan mensyaratkan supaya para pemaju perumahan menyediakan kawasan khas bagi pembinaan perpustakaan di kawasan perumahan yang mempunyai banyak penduduk.

Katanya, kini pemaju hanya disyaratkan supaya menyediakan kawasan untuk membina surau dan masjid sahaja di taman-taman perumahan.

Pada persidangan akhbar selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata, bilangan syarikat telekomunikasi yang terdapat di negara ini mencukupi tetapi sekiranya keadaan tertentu memerlukan sebuah syarikat lagi, kerajaan mungkin akan mempertimbangkannya. -- Laqi.

♥18/08/20-15MST

CNS3487

U GB 18-08 00183 BA033

BAH

Mahathir - Maklumat 3 Jitra

Ketika diminta menjelaskan ucapannya sewaktu merasmikan Menara Alor Setar di Alor Setar pagi tadi mengenai pentingnya persaingan yang sihat dalam industri telekomunikasi, beliau berkata, persaingan adalah sihat tetapi sekiranya terlalu banyak persaingan ia tidak lagi menjadi sihat.

"Untuk bersaing, kita perlu kepada syarikat yang besar untuk mampu bersaing dan juga mampu melabur untuk mendapatkan alat yang canggih dan membayar upahan yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata, masalahnya di negara ini terdapat syarikat yang kecil bersaing sesama mereka sehingga ada yang rugi dan bankrap dan persaingan seumpama itu kadangkala menyebabkan semua pihak rugi.

"Kalau dia peguam dia buka syarikat peguam satu orang. Kalau dia jurutera dia buka syarikat jurutera, dia seorang sahaja jadi jurutera. Sepatutnya dia bekerja dengan syarikat yang ada supaya syarikat itu menjadi besar," katanya.

"Demikian juga dalam telekomunikasi, kalau terlalu banyak lesen yang kita beri syarikat-syarikat ini yang tidak mempunyai modal yang banyak dan mereka akan menjadi kecil. Mereka akan bersaing sehingga ada yang bankrap dan ada yang rugi dan mungkin semua rugi," katanya. -- Lagi.

♥18/08/20-17MST

CNS3489

U GB 18-08 00082 BA034

BAH

Mahathir - Maklumat 4 (Akhir) Jitra

Katanya, keadaan seumpama itu telah berlaku terhadap syarikat-syarikat kecil sehingga ada yang menjual syarikat mereka kepada syarikat asing.

"Ini tidak mendatangkan manfaat kepada negara, jadi kita memerlukan kepada beberapa syarikat yang bersaing tetapi syarikat ini mestilah syarikat yang besar," tambahnya.

Menurutnya, syarikat-syarikat kecil misalnya boleh bergabung seperti yang dilakukan syarikat-syarikat gergasi Jepun yang bekerjasama dalam projek tertentu tetapi bersaing dalam projek-projek lain. -- Bernama.

KHY KAM.

♥18/08/20-18MST